

Seminar Mini Kearifan Tempatan Motif Sabah Kearifan Tempatan dalam Motif Sigar Sukuan Sabah

Rosliah Kiting

Farayneld Bryn Fabian

Universiti Pendidikan Sultan Idris

roslih@fbk.upsi.edu.my

Pengenalan

Pakaian merupakan satu identiti sesuatu bangsa. Dalam kalangan etnik Dusun, sigar merupakan salah satu pelengkap pakaian tradisi yang dipakai oleh kaum lelaki. Pelbagai istilah digunakan dalam merujuk kepada *sigar*. Antaranya adalah '*sigar*' bagi etnik Tangara, '*sigar*' bagi etnik Bundu, Liwan, Tindal atau '*sigal*' dalam etnik Rungus. Etnik Suang Lotud menggunakan istilah *sundi*. Setiap etnik mempunyai sigar yang berbeza bentuk seperti dalam gambar berikut:



Rajah 1.1: *Sigar* (Etnik Dusun Bundu)



Rajah 1.2: *Sundi* (Etnik Dusun Lotud)



Rajah 1.3: *Sigar* (Etnik Dusun Tindal)




Rajah 1.4: *Sigal* (Etnik Rungus)

Asal-usul Pemakaian Sigar

Secara tradisi, lelaki Dusun Liwan dididik untuk melakukan pelbagai pekerjaan sejak kecil untuk menyara kehidupan. Golongan lelaki akan memburu dengan memasuki hutan, mencari kayu untuk kegunaan binaan rumah, meneroka hutan untuk dijadikan ladang dan pelbagai aktiviti dalam kehidupan seharian. Aktiviti ini mendedahkan kaum lelaki dengan pelbagai ancaman seperti serangan binatang liar, panas matahari atau penyakit kulit akibat pencemaran. Hal ini memerlukan kaum ini menutup kepala menggunakan kain yang diperbuat daripada kulit kayu atau kulit binatang. Pemakaian penutup kepala ini telah menjadi kebiasaan sehingga menjadi

budaya kaum lelaki apabil keluar dari rumah. Penggunaan pelbagai bentuk dan bahan sebagai penutup kepala adalah seperti dalam gambar berikut:



(Dipetik daripada Faecbook Dusunology)

Pemakaian penutup kepala ini berkembang selaras dengan kewujudan pelbagai jenis kain sama ada ditenun atau dicetak menggunakan mesin serta pelbagai perhiasan bertujuan memperindahkannya. Penggunaan juga semakin luas daripada pemakaian untuk tujuan bekerja sehinggalah kepada penggunaan ketika perayaan seperti majlis perkahwinan, pesta


menuai, *moginakan* dan sebagainya. Kesedaran pentingnya sistem kepimpinan turut mempengaruhi penciptaan penutup kepala yang lebih baik dan cantik sehinggalah terciptanya sigar. Sambutan majlis perkahwinan yang ingin meraih pengantin lelaki mendorong Dusun Liwan mereka pakaian yang cantik dan gah sesuai dengan status sebagai raja sehari. Demikiannya dengan acara pemimpin daam kalangan masyarakat seperti ketua kampung, ketua pasukan sehingga kepada *huguan siou*. Majlis pertabalan *huguan siou* yang disebut manading memerlukan pemimpin yang diangkat sebagai *huguan siou* memerlukan penampilan yang segar dengan pakaian tradisi yang lengkap termasuklah penggunaan sigar ketika diraikan.

Sigar

Sigar dibuat daripada kain dasar manakala *sigal* dalam etnik rungus daripada kain pis. Sigar dihiaskan dengan renda kuning berwarna kuning. Menurut Rayner Udong (2003) penggunaan warna kuning keemasan dalam pakaian tradisi Kadazandusun melambangkan nilai dan harga diri masyarakat tersebut. Kuning adalah simbol bagi menunjukkan taraf dari segi ekonomi yang dikaitkan dengan harta seperti emas. Maknanya seseorang yang mengenakan pakaian dengan hiasan kuning keemasan ini melambangkan seorang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat dari segi pangkat dan harta. Lebih daripada itu, penggunaan renda kuning ini bukanlah

bermakna si pemakai kaya dengan emas semata-mata atau mempunyai harta yang boleh dibanggakan tetapi warna ini adalah simbol kekeluargaan yang kekal berasal daripada Tamadun Nunuk Ragang. Konsep warna emas yang tidak luntur diambil sebagai lambang ikatan kekeluargaan yang harus dipelihara dari aspek ketulenan meskipun akan terpisah dari segi jarak dan waktu agar budaya dan identiti terus terpelihara. Nilai persaudaran tetap terasa apabila bertemu dengan pemakain pakaian ini walau pun berada di negara lain yang menunjukkan pakaian merupakan saluran untuk saling berkenalan dalam kalangan etnik serumpun.





Cabaran Pemilikan Sigar

Keunikan pakaian tradisi semakin luntur dan kurang diaplikasi dalam pemakaian oleh generasi masa kini. Dalam beberapa sambutan atau perayaan yang melibatkan penggunaan pakaian tradisi, dilihat berlakunya kecelaruan terutamanya pemakaian sigar sebagai pelengkap pakaian tradisi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan dalam 37 buah kampung dalam Daerah Tamparuli, pemilikan *sigar* berada dalam tahap yang sangat rendah iaitu kurang daripada 10%

penduduk dalam sesebuah kampung yang memiliki pelengkap pakaian ini. Masalah ini turut berlaku di daerah lain seperti Tuaran, Kiulu, Ranau, Tambunan, Keningau, Pensiangan, Sandakan dan Kota Marudu. Antara penyebab adalah harga sigar yang mahal iaitu antara RM350 pada tahun 2014 dan meningkat RM600 lima tahun kemudian iaitu pada tahun 2019. Upah untuk membentuk sigar daripada kain yang telah ditenun pada tahun 2019 adalah RM50 yang menjadikan harga sigar berjumlah RM650. Apabila terdapat acara yang mewajibkan seseorang memakai sigar seperti sebagai pengantin dalam upacara perkahwinan, peserta sugandoi atau majlis seumpamanya, peserta akan menyewa sigar antara RM25 hingga RM50. Kos ini menjadikan pemakaian sigar kurang diaplikasi.

Lonjakan kenaikan harga ini terus berlaku pada tahun 2022 di mana harga sigar asli iaitu kain yang ditenun mencapai harga RM2000. Upah untuk membentuk sigar sehingga RM150 manakala untuk bergambar menggunakan sigar yang dipamerkan perlu disewa sehingga RM30. Tinjauan harga ini dilakukan oleh penulis sempena perayaan pesta menuai peringkat daerah dan peringkat negeri.

Peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan sempena sambutan pesta menuai terutamanya *sugandoi* dan ‘*Mr. Kaamatan*’ menghadapi masalah mendapatkan sigar tradisi yang asli iaitu kain yang ditenun sama ada untuk dibeli mahupun disewakan.

Sehubungan dengan itu, inovasi sigar ini dihasilkan agar budaya memakai pakaian tradisi yang yang lengkap dapat diteruskan secara menyeluruh daripada pelbagai lapisan dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Penghasilan inovasi ini penting sebagai pelestarian budaya dan pengaplikasian budaya bangsa secara berterusan agar khazanah yang sangat berharga ini akan terus wujud, digunakan dan boleh dimiliki oleh masyarakat.

Sorotan Literatur

Sehingga penulisan ini dihasilkan, artikel berkaitan dengan sigar sangat kurang ditemui. Bagaimana pun terdapat penulisan berkaitan dengan penghasilan tenunan yang sering digunakan untuk membuat sigar, antaranya adalah penulisan Siti Halizah Mudin, Zaimi Sahibil dan Humin Husilin (2019: 263) berkenaan dengan proses menghasilkan sehelai sigar atau tubau dalam masyarakat Iranun, adalah dengan menggunakan benang kapas yang dikanji dan dicelupkan dalam bahan pewarna. Benang ini seterusnya diikat dan diberus menggunakan sabut kelapa bagi melembutkan dan menghilangkan sisa kanji. Benang ini kemudiannya digulung. Proses ini dikenali sebagai *menerai* menggunakan alat betera (*spinning wheel*) untuk dijadikan benang loseng. Proses menenun ini dilakukan secara manual iaitu menggunakan tangan. Proses menyilang setiap benang menggunakan alatan yang disebut *pagaulun* (kek manual). Ini menggambarkan proses membuat

kain sigar ini memerlukan ketelitian, ketekunan dan kesabaran si penenun demi untuk mendapatkan hasil yang cantik dan memuaskan. Penulisan ini menunjukkan bahawa tenunan sigar dihasilkan daripada kain dasar yang menggunakan benang kapas berwarna hitam pada motif penggunaan benang dengan warna kontras seperti merah, jingga, kuning, hijau dan putih.

Etimologi sigar sebagai pelengkap dalam pakaian tradisi beberapa etnik di Sabah pernah disebut dalam artikel Siri Fariza Mahfar dan Humin Jusilin (2017:9) yang disebut *sigal* dalam etnik Rungus. Bagi etnik Tindal, hiasan kepala bagi lelaki ini disebut *sigar* yang sinonim dengan perkataan tengkolok bagi masyarakat Melayu (Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin dan Noria Tugang: 2017). Hiasan kepala ini akan dipadankan dengan busana *sinuranga* yang didominasi dengan warna hitam dihiasi dengan sulaman warna putih, merah dan kuning emas. *Sigar* daripada etnik Tindal diperbuat daripada kain berwarna hitam dan disulam dengan manik yang bermotifkan geometri.

Etnik lain yang menggunakan hiasan kepala sebagai pelengkap pakaian tradisi adalah Lotud. Menurut Humin Husilin dan Salbiah Kindoyop (2015:48), etnik Lotud menyebut hiasan kepala sebagai *sundi*, iaitu sejenis kain tenunan yang dipadankan dengan pakaian *binandus* berwarna hitam. Lazimnya, pakaian ini dihiasi dengan pelbagai motif dan corak sulaman

benang berwarna terang seperti merah dan kuning selain perhiasan lain yang diperbuat daripada bahan manik dan benang emas.

Pembangunan Inovasi *Sigar*

Pembangunan inovasi *sigar* ini meliputi tiga fasa iaitu analisis keperluan, pembinaan dan pelaksanaan. Dalam fasa analisis keperluan, penulis telah melaksanakan pemerhatian tidak berstruktur, temu bual dan tinjauan literatur untuk mendapatkan data berkaitan dengan penggunaan *sigar* dalam rumpun Kadazan dan Dusun. Data transkripsi pemerhatian, temu bual dan kajian pustaka dianalisis untuk panduan dalam fasa seterusnya iaitu pembinaan.

Fasa pembinaan inovasi *sigar* menggunakan lima langkah, iaitu pemilihan bahan, penentuan motif, lipatan, hiasan dan penyimpanan. Inovasi *sigar* ini dimulakan dengan pemilihan bahan iaitu daripada kain sarung. Kajian berkaitan dengan motif-motif yang terdapat dalam corak pakaian tradisi etnik dalam rumpun Kadazan dan Dusun. Motif ini dijadikan panduan dalam memilih kesesuaian kain yang dipilih untuk dijadikan sebagai *sigar* inovasi agar masih mempunyai makna dan kaitan dalam budaya masyarakat Kadazandusun.



Fasa pelaksanaan dan penilaian meliputi penganjuran latihan atau kursus berkaitan dengan membuat inovasi *sigar*. Melalui latihan atau kursus ini pengkaji menerima pelbagai respon daripada para peserta untuk meningkatkan mutu pembuatan inovasi *sigar*. Ketiga-tiga fasa ini telah membantu pengkaji menghasilkan inovasi *sigar* yang telah memudahkan masyarakat Kadazan dan Dusun memiliki *sigar* sebagai pelengkap pakaian tradisi untuk pelbagai sambutan atau perayaan yang memerlukan peserta memakai pakaian tradisi.






Impak Inovasi Sigar

Pembangunan inovasi *sigar* ini telah menemui cara yang lebih efisien dalam membuat sigar. Menurut Kamus Dewan (2012: 401) efisien bermakna mampu mengerjakan sesuatu tugas dengan baik, cermat tanpa pembaziran waktu tenaga atau belanja dan cekap. Dalam kajian ini telah membantu masyarakat Kadazan dan Dusun menghasilkan pelengkap pakaian tradisi bagi lelaki iaitu inovasi sigar sebagai hiasan kepada yang lebih cantik, bermutu tanpa menggunakan waktu yang panjang iaitu hanya dua jam dengan kos dalam lingkungan RM40 ringgit. Gambar berikut merupakan inovasi *sigar* yang telah dihasilkan.





Sigar inovasi

Selanjutnya inovasi *sigar* ini telah memperkenalkan beberapa pembaharuan daripada *sigar* yang asal. Pembaharuan yang pertama adalah dari segi bahan. Asalnya *sigar* menggunakan kain tenunan atau dastar. Proses penghasilan bahan ini rumit dan memerlukan kos yang tinggi serta masa yang mahal. Hal ini menyumbang kepada peningkatan harga *sigar* antara RM1000 hingga RM2000. *Sigar* inovasi menggunakan kain sarung yang berharga dalam lingkungan RM15 di tambah dengan peralatan lain seperti benang, renda, kain pengeras serta alat menjahit menjadikan harga dalam lingkungan RM50 hingga RM100 sahaja.

Pembaharuan yang kedua adalah dari segi penerapan kemahiran pelbagai generasi. Dalam penghasilan *sigar* secara tradisi, pembuat memerlukan peralatan dan kemahiran menenun. Kini untuk menghasilkan inovasi *sigar*, pembuat berpeluang mengasah kreativiti dalam menghasilkan

sigar yang boleh disesuaikan dengan pakaian dan majlis yang diraikan. Begitu juga dengan hiasan yang boleh dihasilkan sesuatu dengan perkembangan fesyen semasa. Penerapan kemahiran dan pengasahan kreativiti ini boleh dilakukan pelbagai peringkat berumur dalam lingkungan 9 tahun dan ke atas.

Pembaharuan yang ketiga adalah mesra etnik dalam rumpun Kadazandusun. Penggunaan motif yang boleh disesuaikan untuk pelbagai rumpun dalam etnik Kadazandusun menjadikan inovasi *sigar* ini sesuai digunakan dalam pelbagai etnik dalam rumpun Kadazandusun. Sebagai contoh penggunaan motif '*roun*' (daun) dalam kain sarung yang menggambarkan penggunaan daun dalam kehidupan rumpun Kadazandusun sebagai herba, sayur atau ulam, pewarna, pembungkus ataupun sebagai bahan untuk membuat kraftangan. Kain sarung yang mempunyai motif daun ini boleh digunakan oleh pelbagai etnik dalam rumpun Kadazandusun kerana boleh dikatakan setiap etnik tersebut memerlukan daun dalam kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, inovasi *sigar* telah menyumbang kepada pengaplikasian budaya dengan penggunaan pakaian tradisi yang lengkap. Ini bermakna inovasi ini merupakan pelestarian pakaian tradisi yang semakin terpinggir. Penghasilan inovasi *sigar* mempunyai potensi komersial yang sangat tinggi dan menguntungkan kerana permintaan yang banyak lantaran

banyak perayaan yang memerlukan pakaian tradisi yang lengkap. Bahan-bahan keperluan membina inovasi sigar senang diperolehi, mudah disediakan, mudah dijual sama ada secara jualan langsung ataupun secara *online*. Oleh itu, inovasi *sigar* mampu menyumbang peningkatan ekonomi kepada pengusaha sebagai produk jualan.

Motif Sigar

Pembuatan tenunan dan sulaman *sigar* memaparkan pelbagai motif. Motif ini mempunyai kaitan dengan budaya sukuan Sabah.

1. Motif Flora

Motif daripada flora meliputi bahagian-bahagian tertentu. Keunikan sesuatu bahagian flora tersebut menjadi tarikan penenun atau pembuatan sulaman kemudian diterjemahkan dalam bentuk tenunan atau sulaman pada sigar. Lazimnya, bahagian flora yang sering digunakan dalam tenunan dan sulaman *sigar* adalah daun, bunga, pucuk dan sebagainya.

i. Daun



Motif daun digunakan sebagai lambang fungsi daun dalam kehidupan masyarakat Kadazan dan Dusun. Daun mempunyai pelbagai kegunaan, antaranya adalah sebagai herba, sayur atau ulam, pewarna, bahan untuk kraftangan, pembungkus makanan, pakaian dan sebagainya.

Apabila motif daun ini disusun dalam bentuk putaran, ianya melambangkan keharmonian hidup dalam masyarakat ini. Motif ini juga menggambarkan kepentingan semangat bekerjasama seperti bergotong-royong dalam melakukan kerja yang menjadi amalan masyarakat ini.

Motif daun juga merupakan bentuk muncung sumpit yang digunakan oleh kaum lelaki untuk memburu binatang dan juga melindungi keluarga daripada musuh. Oleh itu, motif tersebut menggambarkan kepahlawanan dalam masyarakat ini.

ii. Bunga



Gabungan motif bunga yang disusun bentuk anunen seperti dalam gambar melambangkan keharmonian. Motif ini menggambarkan kekreatifan seseorang penenun dalam menghasilkan tenunan yang cantik. Motif ini merupakan simbol keamanan, keharmonian dan kedamaian yang sentiasa diterapkan dalam kalangan masyarakat ini untuk mengekalkan dan

meneruskan perpaduan. Selain itu, motif ini merupakan adaptasi sifat kesopanan yang harus diterapkan dan diamalkan dalam lingkungan keluarga serta masyarakat.

iii. Vinusak (Bahasa Rungus) – Bunga

- iv. *Vinusak* merupakan tumbuhan berasaskan bunga di hutan. Masyarakat Rungus mengibaratkan *vinusak* dengan gadis cantik yang bersopan-santun. Inompuling pula merupakan senjata iaitu serampang ikan. Serampang ikan diterima kerana kehidupan mereka berhampiran dengan pesisir sungai. Aktiviti harian yang dilakukan adalah menangkap ikan untuk dijadikan sumber makanan. Walau bagaimanapun, ada yang mengatakannya senjata anak panah kerana pada zaman dahulu masyarakat dikaitkan dengan kegiatan berburu di hutan untuk mendapatkan bekalan makanan (Siti Fariza Mahfar dan Humin Jusilin, 2017:12)
- v. Deskripsi: *Vinusak merupakan kelopak dan bunga. Motif dihasilkan secara bersilang dan bentuk berlian di bahagian tengah*
- vi. Interpretasi: Motif dicipta berasaskan imbalan simetri dan mempunyai cangkuk di bahagian atas dan bawah motif.

vii. Symbolisme: Motif melambangkan seorang wanita yang cantik. Selain itu, ia dikatakan sebagai bunga yang menjadi penawar gigitan binatang berbisa.


viii. Bunga pecah lapan (*Tusak piniwalu* -Bahasa Dusun)




ix. Bunga Berkembang (Tuarah -dalam Bahasa Irranun)




x. Unsud




xi. Tinanggo (Bahasa Dusun)



xii. Barantai Siukosuot



xiii. Linayupuh



xiv. Sobul / tolid (Umbus/Tunas)

Penggunaan *sobul* atau *tolid* (umbus atau tunas) daripada bahagian flora dalam tenunan atau sulaman sigar adalh representasi kepada generasi muda yang digambarkan sebagai tunas yang sedang tumbuh.



Motif ini menggambarkan penerapan adat dan nilai –nilai murni sejak kecil dalam keluarga dan masyarakat sukuan Sabah. Motif ini disusun dalam bentuk beriringan sebagai pesanan kepada generasi muda agar menjaga keharmonian keluarga, persahabatan dan kemasyarakatan. Adakalanya motif ini diletakkan dalam bentuk putaran yang merupakan gambaran sentiasa menjaga adat dan abad di mana juga berada.

2. Motif Fauna

Bangsa sukuan Sabah menggunakan motif fauna bukan sahaja dalam tenunan atau sulaman sigar tetapi juga dalam pembuatan kraftangan lain seperti sarung parang, barait, pembinaan rumah dan pelbagai lagi peralatan sama ada untuk keperluan hidup mahupun sebagai perhiasan. Contoh penggunaan motif fauna adalah *inompuling*, *tinugarang* dan *tingingulung* dalam etnik Rungus.

i. Inompuling



Inompuling merupakan senjata iaitu serampang ikan. Serampang ikan diterima kerana kehidupan mereka berhampiran dengan pesisir sungai. Aktiviti harian yang dilakukan adalah menangkap ikan untuk dijadikan sumber makanan. Bagaimanapun, ada yang mengatakannya senjata anak panah kerana pada zaman dahulu masyarakat dikaitkan dengan kegiatan berburu di hutan untuk mendapatkan bekalan makanan (Siti Fariza

Mahfar dan Humin Jusilin, 2017:12). Deskripsi: Inompuling adalah sebilah senjata. Motif berbentuk cangkuk dan bersilang di antara satu sama lain.

Interpretasi motif berbentuk geometri dan mempunyai imbalan simetri. Motif dilengkapi cangkuk pada bahagian atas dan bawah yang menggambarkan alat untuk mempertahankan diri. Symbolisme motif berbentuk senjata yang melambangkan kekuatan kepada si pemilik atau pemakainya.

Bentuk Motif

1. Motif realistik


Motif realistik meliputi gambaran alam benda semula jadi dan alam benda hasil daripada pemerhatian dan sensitivity penenun kain sigar. Motif ini menggambarkan alam semula jadi yang sebenar. Ciri utama motif realistik adalah hasil tenunan yang mudah difahami secara langsung, walaupun orang yang melihat motif tersebut tidak mengetahui selob-belok berkaitan dengan tenunan. Contoh motif realistik adalah manusia menunggang kuda.



Motif binatang (kuda)

2. Motif Dramatis


Motif dramatis merupakan penggunaan unsur yang dipermudahkan (simplicity) dan unsur tokoh tambah (exaggeration). Bentuk motif natural ini dipermudahkan atau ditokok tambah hingga tidak menggambarkan motif asalnya. Seorang yang melihatnya sukar memahami motif yang cuba disampaikan. Namun demikian pencipta boleh menceritakan secara lisan motif tersebut sehingga dapat memperlihatkan unsur-unsur natural yang digunakan. Contoh motif dramatis adalah *unsud a tampad*.



Unsur a tampad


3. Motif abstrak

Motif abstrak tidak menggambarkan alam semula jadi atau alam benda. Lazimnya motif ini adalah rekaan bebas hasil daripada cetusan idea dan kreativiti pembuat tenunan. Contoh motif abstrak dalam tenunan sigar adalah *guris*.



4. Motif Geometri

Kebanyakan motif dalam sigar adalah bentuk geometri. Motif tersebut dibentuk menggunakan garisan yang bersudut 90 darjah manakala bentuk segitiga bersudut 45 darjah. Terdapat juga bentuk-bentuk segitiga bertentangan yang disusun dalam bentuk tangga. Selain segitiga, terdapat juga bentuk segiempat dan poligon. Adakalanya unsur alam semulajadi disusun dalam bentuk palang segiempat. Poligon adalah bentuk segilapan. Contoh penggunaan geometri adalah seperti dalam gambar.



5. Motif garisan

Motif garisan memainkan peranan yang penting dalam pembuatan tenunan sigar. Garisan digunakan sebagai sempadan-sempadan corak yang menyusun kedudukan setiap motif yang digunakan. Motif garisan yang berfungsi sebagai sempadan disebut talitayan dalam Bahasa Irranun. Contoh motif garisan adalah seperti dalam gambar.



Kesimpulan

Sigar sebagai pelengkap pakaian tradisi secara tidak langsung menggambarkan keunikan budaya penduduk negeri Sabah. Penghasilan inovasi sigar untuk masyarakat dalam rumpun Kadazandusun menterjemahkan alternatif kepada pelestarian adat dan budaya. Inovasi sigar yang diilhamkan daripada objek sarung dengan kepelbagaian motif berasaskan alam sekeliling menjelaskan kreativiti dan aspirasi bangsa yang sangat mendalam. Ragam hias dalam rekaan inovasi sigar mampu mengarap kesemua motif yang digunakan dalam semua etnik rumpun Kadazandusun yang menunjukkan keakraban mereka terhadap alam sekeliling dan aktiviti harian.

Inovasi sigar sememangnya mempunyai nilai dan kelas yang tersendiri kerana keunikan bentuknya dan cara penghasilannya memerlukan

penelitian yang mendalam. Oleh demikian, kajian yang berterusan dan mendalam mampu mengupas maksud di sebalik ragam motif yang terhasil. Selain itu, penggunaan inovasi sigar menjelaskan adab pemakaian dalam adat pakaian masyarakat Kadazandusun. Warisan turun-temurun ini perlu dilestarikan dalam konteks pembuatannya sebagai pelestarian khazanah bangsa yang sangat bernilai ini daripada luput ditelan zaman.

Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2012. Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Humin Husilin dan Salbiah Kindoyop. 2015. Reka bentuk dan hiasan Linangkit pada Pakaian Tradisional Dusun Lotud di Tuaran. Dalam *Gendang Alam*, Jilid 5:39-61
- Salbiah Kindoyop, Humin Jusilin dan Noria Tugang. 2017. Pembudayaan Reka Bentuk Busana Tradisional Masyarakat Dusun Tindal di Sabah. Dalam *Gendang Alam*, Jilid 7:137-149
- Siri Fariza Mahfar dan Humin Jusilin. 2017. Reka Corak dan Symbolisme Motif *Pinakol* Dalam Pakaian Masyarakat Rungus di Sabah. Dalam *Gendang Alam*, Jilid 7: 1-17
- Siti Halizah Mudin, Zaimie Sahibil dan Humin Jusilin. 2019. Relatif Imej Geometri dan Nilai Budaya dalam Pola Tenunan Tubau Etnik Iranun di Kota Belud. Dalam Rosliah Kiting, Minah sintian, Mahzan Arshad, Wilfred Madius Tangau dan Ewon Benedick (Editor). *Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Ms 261- 274